

Maklumat Am Pertandingan Multimedia Kreatif

1. Pertandingan ini terbuka kepada pelajar dari program **DIPLOMA** atau **SARJANA MUDA** di **INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) AWAM DAN SWASTA MALAYSIA** dan **pelajar Sekolah Menengah**.
2. Setiap pasukan diwakili oleh **TIGA (3)** orang pelajar dan diiringi seorang pegawai pengiring. (IPTA/SEKOLAH)
3. Bagi kategori kakitangan UiTM, setiap pasukan diwakili oleh **TIGA (3)** orang.
4. Setiap pasukan akan mempamerkan hasil produk masing-masing di tempat yang disediakan oleh pihak penganjur.
5. Pihak Jawatankuasa Penganjur dan Sekretariat ITEC2013 mempunyai hak untuk meminda sebarang syarat-syarat pertandingan tanpa sebarang notis.
6. Yuran untuk setiap kategori adalah seperti berikut:
 - a. **Kategori A** : Institut Pengajian Tinggi (Diploma & Sarjana Muda) – RM250.00
 - b. **Kategori B** : Kakitangan UiTM – RM250.00
 - c. **Kategori C** : Sekolah Menengah – RM150.00
7. Setiap pasukan perlu membuat bayaran yuran kepada KOSISWA UiTM Pahang **SELEPAS** mendapat pengesahan rasmi penerimaan penyertaan melalui email. Bayaran cek/bank draf/deposit tunai/*local order* (LO)/IBG hendaklah menggunakan maklumat akaun bank seperti di bawah:

Nama Akaun : KOPERASI SISWA UiTM Pahang Berhad

Nama Bank : Affin Bank Berhad

No. Akaun : 105130015255

*Resit pembayaran hendaklah diserahkan sewaktu pendaftaran
8. **TARIKH AKHIR PENDAFTARAN** adalah pada **1 November 2013 (Jumaat)**.
9. **TARIKH AKHIR PEMBAYARAN** adalah pada **15 November 2013 (Jumaat)**.
10. Keputusan juri adalah muktamad. Segala bantahan dan tuntutan tidak akan dilayan.

Syarat -Syarat Pertandingan Multimedia Kreatif

1. Setiap pasukan yang menyertai pertandingan ini mesti menandatangani **BORANG PELEPASAN** yang membolehkan pihak Jawatankuasa Penganjur dan Sekretariat ITEC2013 menggunakan hasil produk akhir dan maklumat-maklumat lain untuk tujuan bahan publisiti dan pengiklanan. Borang Pelepasan boleh didapati di laman sesawang rasmi di <http://www2.pahang.uitm.edu.my/itec2013>
2. Hasil produk akhir rekacipta pertandingan akan menjadi hak milik Universiti Teknologi MARA (UiTM).
3. Tema pertandingan Multimedia ITEC2013 adalah "***Innovation and Technological Entrepreneurship***".
4. Masa persembahan adalah dalam lingkungan **1 hingga 3 minit** sahaja.
5. Gambaran tema '***Innovation and Technological Entrepreneurship***' adalah seperti di bawah.

Innovation and Technological Entrepreneurship merupakan pendedahan kepada peserta dalam mencipta produk serta perkhidmatan menggunakan ilmu perkomputeran dan multimedia untuk diaplikasikan dalam dunia keusahawanan.
6. Projek multimedia boleh dibangunkan dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
7. Hasil produk akhir projek multimedia hendaklah berbentuk Montaj, Video atau Persembahan Multimedia.
8. Setiap pasukan diberi kebebasan untuk mengguna bahan masing-masing bagi melengkapkan Montaj, Video atau Persembahan Multimedia.
9. Setiap pasukan perlu menyiapkan produk akhir multimedia sebelum tarikh pertandingan.
10. Setiap pasukan perlu menyediakan poster/bunting bersaiz A1 yang mengandungi maklumat mengenai hasil projek (tajuk projek, objektif, nilai-nilai murni dan sebagainya).
11. Setiap pasukan dikehendaki membawa sendiri poster/bunting 'Stand' kerana pihak penganjur tidak menyediakan alatan tersebut.
12. Montaj, Video atau Persembahan Multimedia yang telah **SIAP** perlu dibentang pada hari pertandingan menggunakan komputer persendirian.
13. Setiap pasukan perlu menghantar satu CD yang mengandungi hasil persembahan dalam bentuk *executable file* (cth. *.exe*, *.avi*, *.mpeg*) bersama elemen asal multimedia yang telah digunakan.
14. Setiap hasil projek perlu menggunakan kaedah *stand alone* yang mana hasil produk perlu di simpan di dalam satu fail yang berbentuk *executable file* (cth. *.exe*, *.avi*, *.mpeg*) untuk tujuan pembentangan.

15. '**Storyboard**' bersaiz A3 yang telah siap di *binding* perlu diserahkan kepada pihak urusetia semasa pendaftaran. Contoh *storyboard* boleh didapati di laman sesawang di <http://www2.pahang.uitm.edu.my/itec2013>
16. Hasil projek mestilah tidak mengandungi isu-isu sensitif atau kontroversi dari segi budaya, politik dan agama masyarakat Malaysia.
17. **Lima (5)** hasil karya yang terbaik bagi kategori **IPTA/IPTS** perlu mengadakan pembentangan sekali lagi di hadapan juri pada hari kedua bagi menentukan tempat Pertama, Kedua dan Ketiga. Bagi kategori **Sekolah Menengah** dan **Kakitangan UiTM**, penjurian hanya berlaku semasa sesi pembentangan. Sila rujuk tentatif program.
18. Pihak Jawatankuasa Penganjur dan Sekretariat ITEC2013 mempunyai hak untuk meminda sebarang syarat-syarat pertandingan tanpa sebarang notis.

Penilaian

1. Tanggungjawab Panel penilai adalah untuk menilai setiap persembahan multimedia dari setiap pasukan dan seterusnya menentukan pemenang pertandingan.
2. Penilaian akan dibuat berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:
 - Keaslian idea (Originality)
 - Kreativiti
 - Interaktiviti
 - Pengisian(Content)
 - Mesej yang jelas
 - Rekabentuk montaj/logo/persembahan
 - Penggunaan elemen multimedia yang optima tetapi bersesuaian
3. Keputusan pengadil adalah muktamad. Sebarang rayuan/tuntutan tidak akan dilayan.

Segala pertanyaan boleh diajukan kepada Sekretariat ITEC2013 (**Pertandingan Multimedia Kreatif**) seperti di bawah:

itec2013@pahang.uitm.edu.my

Tel: 09-4602000

Pertanyaan Maklumat Pertandingan

Pn. Nawal Abdul Razak (012 3486 015)

En. Zulazeze Sahri (013 6045 166)

En. Mohd Khairul Ikhwan Zolkefley (013 2099 698)

Pertanyaan Maklumat Pendaftaran

En Roslan Sadjirin (014 2130 897)

Cik Raja Fitriyah Raja Sulaiman (017 6305 915)